



TERMS AND CONDITIONS OF WAFIYAH PLUS CAMPAIGN
(Not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)
TERMA DAN SYARAT KEMPEN WAFIYAH PLUS
(Tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

Effective 1 March 2025 till 31 May 2025 / Berkuat kuasa mulai 1 Mac 2025 sehingga 31 Mei 2025

IMPORTANT NOTICE:

CUSTOMER IS ADVISED TO READ AND UNDERSTAND THE TERMS AND CONDITIONS BEFORE AGREEING TO SUBSCRIBE FOR ANY PRODUCT OR SERVICE AND/OR PARTICIPATING IN ANY OF BANK ISLAM'S CAMPAIGNS AND PROMOTIONS. THESE TERMS AND CONDITIONS ARE TO BE READ TOGETHER WITH TERMS AND CONDITIONS WAFIYAH INVESTMENT ACCOUNT

1.0 DEFINITION

For the purpose of these Terms and Conditions, the following words and expressions shall have the meanings assigned to them except where the context otherwise requires: -

"Bank" or **"Bank Islam"** means Bank Islam Malaysia Berhad (Company Registration No. 198301002944 (98127-X)), a company incorporated in Malaysia under the Companies Act 2016 and having its registered address at Level 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

"Board Rate" means Wafiyah prevailing expected profit rate as displayed in the Bank's corporate website and/or via any other electronic means and/or Bank Islam's branches.

"Customer" means the accountholder of Wafiyah that is eligible to participate in this Campaign.

"Campaign" means "Wafiyah Plus Campaign" organized by the Bank in accordance with the Terms and Conditions stipulated herein.

NOTIS PENTING:

PELANGGAN ADALAH DINASIHATI SUPAYA MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA DAN SYARAT SEBELUM BERSETUJU UNTUK MELANGGAN MANA-MANA PRODUK ATAU PERKHIDMATAN DAN/ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM MANA-MANA KEMPEN DAN PROMOSI BANK ISLAM. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT INI HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AKAUN PELABURAN WAFIYAH

1.0 DEFINISI

Bagi tujuan Terma-terma dan Syarat-syarat ini, perkataan dan terma di bawah adalah bermaksud makna yang diberikan kepadanya: -

"Bank" atau **"Bank Islam"** bermaksud Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat 198301002944 (98127-X)), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

"Kadar Semasa" ertinya kadar keuntungan jangkaan semasa Wafiyah yang dipaparkan dalam laman web korporat Bank dan / atau melalui apa-apa cara elektronik yang lain dan / atau di cawangan-cawangan Bank Islam.

"Pelanggan" bermaksud pemegang akaun Wafiyah yang layak untuk menyertai Kempen ini.

"Kempen" bermaksud "Kempen Wafiyah Plus" yang dianjurkan oleh Bank menurut Terma-terma dan Syarat-syarat yang ditetapkan di sini.



TERMS AND CONDITIONS OF WAFIYAH PLUS CAMPAIGN
(Not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)
TERMA DAN SYARAT KEMPEN WAFIYAH PLUS
(Tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

Effective 1 March 2025 till 31 May 2025 / Berkuat kuasa mulai 1 Mac 2025 sehingga 31 Mei 2025

“**Campaign Period**” means the uration of the Campaign which is from 1 March 2025 until 31 May 2025 (both dates are inclusive) (or upon reaching the campaign set target, whichever is earlier). Bank Islam reserves the right to change the duration and/or the commencement and/or expiry date of the Campaign Period.

“**Wafiyah Investment Account**” or “**Wafiyah**” means this Unrestricted Investment Account product offered by Bank Islam based on the Shariah contract of Wakalah.

2.0 ELIGIBILITY

- 2.1 The following Customers are eligible to participate (“Customer”) in this Campaign:
- a) All new and existing individual customers of the Bank
 - b) An individual aged 18 years and above (individual or joint accountholders);
- 2.2 Minimum investment for this Campaign is RM20,000.
- 2.3 No maximum investment for this Campaign.

3.0 CAMPAIGN MECHANICS

- 3.1 The Customer must fulfil the following conditions to enjoy the special rates as stipulated in Table 3.1 (a) below:
- i. Make a minimum investment of RM 20,000 for Wafiyah placement of 5,9 and 12 months;
 - ii. Investment must be retained in the account until maturity;
 - iii. Expected Profit Rate

Table 3.1 (a)

Tenure (Months)	Expected Profit Rate (% p.a)
5	3.70
9	3.80
12	4.05

“**Tempoh Kempen**” bermaksud tempoh kempen bermula dari 1 Mac 2025 hingga 31 Mei 2025 (termasuk kedua-dua tarikh) (atau apabila telah mencapai sasaran kempen, yang mana lebih awal). Bank Islam berhak untuk mengubah tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh akhir Tempoh Kempen.

“**Akaun Pelaburan Wafiyah**” atau “**Wafiyah**” bermaksud produk Akaun Pelaburan Tidak Terhad ini yang ditawarkan oleh Bank Islam berdasarkan prinsip Syariah iaitu Wakalah.

2.0 KELAYAKAN

- 2.1 Pelanggan berikut adalah layak untuk menyertai (“Pelanggan”) Kempen ini:
- a) Semua pelanggan individu dan sedia ada Bank
 - b) Individu berumur 18 tahun ke atas (individu atau pemegang akaun bersama);
- 2.2 Pelaburan minimum bagi Kempen ini ialah RM20,000.
- 2.3 Tiada pelaburan maksimum bagi Kempen ini.

3.0 KAEDAH KEMPEN

- 3.1 Pelanggan perlu memenuhi syarat-syarat di bawah untuk menikmati kadar istimewa seperti yang ditetapkan dalam Jadual 3.1 (a):
- i. Pelanggan perlu melaburkan minimum RM 20,000 untuk Wafiyah bagi tempoh 5, 9 dan 12 bulan;
 - ii. Pelaburan mesti dikekalkan dalam akaun sehingga tempoh matang;
 - iii. Jangkaan Kadar Keuntungan

Jadual 3.1 (a)

Tempoh (Bulan)	Jangkaan Kadar Keuntungan (% setahun)
5	3.70
9	3.80
12	4.05



TERMS AND CONDITIONS OF WAFIYAH PLUS CAMPAIGN
(Not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)
TERMA DAN SYARAT KEMPEN WAFIYAH PLUS
(Tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

Effective 1 March 2025 till 31 May 2025 / Berkuat kuasa mulai 1 Mac 2025 sehingga 31 Mei 2025

- | | |
|---|--|
| <p>3.2 The Wafiyah will be automatically rollover with the same tenure at prevailing Board Rate when matured.</p> | <p>3.2 Wafiyah akan diperbaharui secara automatik dengan tempoh yang sama pada Kadar Semasa apabila matang.</p> |
| <p>3.3 Partial withdrawal is not allowed.</p> | <p>3.3 Pengeluaran separa tidak dibenarkan.</p> |
| <p>3.4 Customer may receive a sum lower than the investment amount in the event of premature redemption. Profit for premature redemption (if any) is subject to the Discounted Profit Rate at 2/3 from the Expected Profit Rate or Actual Profit Rate, whichever is lower, at the point of premature redemption.</p> | <p>3.4 Pelanggan akan menerima jumlah yang kurang daripada amaun pelaburan mereka jika pelanggan menebus semua pelaburan sebelum tarikh matang. Keuntungan bagi penebusan pramatang (jika ada) tertakluk kepada Kadar Keuntungan Diskaun iaitu 2/3 daripada Kadar Keuntungan Jangkaan atau Kadar Keuntungan Sebenar, yang mana lebih rendah, semasa penebusan pramatang dibuat.</p> |
| <p>3.5 Any investment made under this Campaign is not allowed to be pledged as collateral/security for any cash line-i facility, or any other facility or financing.</p> | <p>3.5 Sebarang pelaburan yang dibuat oleh Pelanggan di bawah Kempen ini tidak dibenarkan untuk dicagarkan bagi sebarang cagaran/jaminan bagi kemudahan aliran tunai-i, atau mana-mana kemudahan atau pembiayaan lain.</p> |
| <p>4.0 GENERAL CLAUSE IN THE T&C (CAMPAIGN)</p> | <p>4.0 TERMA DAN SYARAT UMUM (KEMPEN)</p> |
| <p>4.1 Eligible Customer/Customer is advised to read and understand these terms and conditions before participating in any of our campaign or promotion.</p> | <p>4.1 Pelanggan Yang Layak/Pelanggan adalah dinasihati untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat di sini sebelum mengambil bahagian di dalam mana-mana kempen atau promosi kami.</p> |
| <p>4.2 To participate in our campaign or promotion, Eligible Customer/Customer must fall within the Eligibility Criteria and fulfill the campaign mechanics. Unless stated otherwise by the Bank, Eligible Customer/Customer is not required to sign up or fill up any application form to participate in the said campaign or promotion</p> | <p>4.2 Untuk mengambil bahagian di dalam kempen atau promosi kami, Pelanggan Yang Layak/Pelanggan mestilah termasuk didalam Kriteria Kelayakan dan memenuhi Mekanisma Kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak Bank, Pelanggan Yang Layak/Pelanggan tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam kempen atau promosi tersebut.</p> |
| <p>4.3 By participating in this Campaign/Promotion, the Eligible Customer/Customers:</p> <p>(a) shall give consent for the Bank to disclose their personal data to the Bank's service provider to the extent necessary for the purpose of this Campaign/Promotion;</p> <p>(b) shall agree for the Bank to publish or display their names or photos in media, marketing or</p> | <p>4.3 Dengan mengambil bahagian di dalam Kempen/Promosi ini, Pelanggan Yang Layak/Pelanggan:</p> <p>(a) akan membenarkan pihak Bank untuk mendedahkan maklumat peribadinya kepada penyedia perkhidmatan Bank setakat mana yang perlu untuk tujuan Kempen/Promosi ini;</p> <p>(b) akan bersetuju untuk pihak Bank menerbitkan atau memaparkan nama-namanya atau gambar-gambar</p> |



TERMS AND CONDITIONS OF WAFIYAH PLUS CAMPAIGN
(Not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)
TERMA DAN SYARAT KEMPEN WAFIYAH PLUS
(Tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

Effective 1 March 2025 till 31 May 2025 / Berkuat kuasa mulai 1 Mac 2025 sehingga 31 Mei 2025

- | | |
|---|---|
| <p>the Bank's Website for the purpose of this Campaign/Promotion (where applicable); and</p> <p>(c) shall agree to the Bank's decision on all matters relating to the Campaign/Promotion, selection of winners and prizes shall be final, conclusive and binding on all Eligible Customer/Customers and no further correspondence and/or appeal to dispute the Bank's decision shall be entertained.</p> | <p>di dalam media pemasaran atau laman sesawang Bank untuk tujuan Kempen/Promosi ini (mana-mana yang terpakai); dan</p> <p>(c) akan bersetuju dengan keputusan Bank terhadap semua perkara berkaitan dengan Kempen/Promosi ini, pemilihan pemenang-pemenang dan hadiah-hadiah adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas semua Pelanggan Yang Layak/Pelanggan dan tiada surat menyurat selanjutnya dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank akan dilayan.</p> |
| <p>4.4 The Bank accepts no responsibility for any tax responsibilities that may arise from the prizes or the use thereof. Any tax filing obligation or tax payment (if any) due to any tax authority as a result of receipt of the prizes remains the sole responsibility of the winner. It is the responsibility of the winner to seek an independent tax advice on the possible tax responsibilities to their financial situations.</p> | <p>4.4 Bank dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah-hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai (sekiranya ada) kepada jabatan berkuasa yang berkenaan lanjutan daripada penerimaan hadiah-hadiah ianya tetap dibawah tanggungjawab pemenang-pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kepada kedudukan kewangan mereka.</p> |
| <p>4.5 The Campaign/Promotion prizes do not include any other incidental expenses e.g. transportation whatsoever, unless expressly stated in these terms and conditions (if any).</p> | <p>4.5 Hadiah-hadiah dalam Kempen/Promosi ini tidak termasuk kos-kos lain seperti pengangkutan melainkan kos seperti yang dinyatakan di dalam terma dan syarat ini (jika ada).</p> |
| <p>4.6 The prize is not redeemable or exchangeable for any other items or cash. Winners must accept the prize 'as it is' and must acknowledge that the Bank shall not be held responsible in the value of the prize due to the variation of prices in the market during the prize redemption/ collection by the winner at the time stipulated by the Bank.</p> | <p>4.6 Hadiah ini tidak boleh ditebus atau ditukarkan dengan hadiah lain atau wang tunai. Pemenang-Pemenang hadiah mestilah menerima hadiah seperti sedia ada ("as it is") dan mengakui bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas nilai hadiah berikutan harga hadiah yang berbeza dipasaran ketika pemenang menebus/memungut hadiah pada masa seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank.</p> |
| <p>4.7 If the prize is not available for whatsoever reason, the Bank reserves the right to substitute the prize for any item of equivalent value upon the Bank issuing at least fourteen (14) days prior notice to all Eligible Customer/Customers.. The mode of notifications could be in writing, via electronic means or displayed at the Bank's branches or websites.</p> | <p>4.7 Jika hadiah yang dimenangi tidak dapat diperolehi atas apa juga sebab, Bank berhak menggantikan hadiah lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi dengan memberikan notis kepada Pelanggan Yang Layak/Pelanggan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui cara elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank.</p> |



TERMS AND CONDITIONS OF WAFIYAH PLUS CAMPAIGN
(Not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)
TERMA DAN SYARAT KEMPEN WAFIYAH PLUS
(Tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

Effective 1 March 2025 till 31 May 2025 / Berkuat kuasa mulai 1 Mac 2025 sehingga 31 Mei 2025

- | | |
|--|--|
| <p>4.8 Winners may be invited to attend prize presentation ceremony or other publicity events (if any) at the location to be advised on a later date. Winners are fully responsible for all expenses incurred in attending the said prize giving ceremony.</p> | <p>4.8 Pemenang mungkin akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah atau majlis seumpamanya (jika ada) di lokasi dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Pemenang-pemenang adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbelanjaan yang timbul bagi menghadiri majlis penyampaian hadiah tersebut</p> |
| <p>4.9 In compliance with the Personal Data Protection Act (PDPA) 2010, the Bank shall protect the personal data of the customers. By participating in this Campaign/Promotion, winners shall consent and agree that their names and photographs may be published in any media selected by the Bank for publicity purposes.</p> | <p>4.9 Sebagai mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, pihak Bank akan melindungi data peribadi pelanggan-pelanggan. Dengan menyertai Kempen/Promosi ini, pemenang memberikan kebenaran dan bersetuju untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar pemenang di mana-mana media yang dipilih oleh Bank. Oleh yang demikian, Bank berhak untuk menyiar atau memaparkan nama dan gambar pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti.</p> |
| <p>4.10 The Bank and its affiliates and their respective directors, officers, employees and agents shall not be liable for the following:</p> <p>(a) any misinterpretation on facts, and/or inflicted injuries and/or loss of lives and/or valuables resulting from the prize won through this Campaign/Promotion; and</p> <p>(b) any loss and damage or for any personal injury and/or whatsoever suffered or sustained by the Eligible Customer/Prize winner in connection with this Campaign/Promotion whether their participation in this Campaign/Promotion or the receipt or use of any of the prizes or may be suffered in the course of the prize giving travel, except for any liability which cannot be excluded by law.</p> <p>(c) any matters beyond the Bank's control with regards to this Campaign/Promotion or anything related thereto.</p> | <p>4.10 Bank dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab seperti berikut:</p> <p>(a) sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan/atau sebarang kecederaan dan/ atau kehilangan ke atas nyawa dan/atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi Kempen/Promosi ini; dan</p> <p>(b) sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan/ atau apa-apa yang dialami oleh Pelanggan Yang Layak/Pelanggan berhubung dengan penyertaan pelanggan dalam Kempen/Promosi atau penerimaan atau semasa menggunakan Hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang.</p> <p>(c) segala urusan di luar bidang dan kawalan Bank dalam pentadbiran dan pemprosesan Kempen ini.</p> |
| <p>4.11 Subject to compliance with the Shariah principle, the Bank reserves the rights to amend, cancel, terminate, or suspend the Campaign/Promotion by providing sufficient notice not less than fourteen (14) days prior to the date of amendment, cancellation, termination or suspension. The mode of notification could be in writing, via electronic means or display of notices at the Bank's branches and websites. For the avoidance of doubt, cancellation, termination or</p> | <p>4.11 Tertakluk kepada prinsip Shariah, Bank berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui media elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank.</p> |



TERMS AND CONDITIONS OF WAFIYAH PLUS CAMPAIGN
(Not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)
TERMA DAN SYARAT KEMPEN WAFIYAH PLUS
(Tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

Effective 1 March 2025 till 31 May 2025 / Berkuat kuasa mulai 1 Mac 2025 sehingga 31 Mei 2025

suspension by the Bank of the Campaign/Promotion shall not entitle the customers who participate in this Campaign/Promotion to any claim or compensation against the Bank for any losses or damages whatsoever suffered or incurred as a direct and indirect result of the act of cancellation, termination or suspension.

4.12 Eligible Customer/Customer/Prize winner is advised to access the Bank's Website from time to time to view the Terms and Conditions and to ensure to be kept up-to-date on any change or variation to the Terms and Conditions thereof.

4.13 The Terms and Conditions herein contained are in addition to and without prejudice to the Product/Facility terms and conditions. In the event of any inconsistency between these terms and conditions, this Terms and Conditions shall prevail with regards to this Campaign/Promotion.

4.14 The Terms and Conditions herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the customers agree to submit to the jurisdiction of the Courts of Malaysia.

For more information, please visit Bank Islam branches or call our Contact Centre at 03 26 900 900 or visit our website at <https://www.bankislam.com>

Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen/Promosi oleh pihak Bank, tidak membolehkan pelanggan-pelanggan yang menyertai Kempen/Promosi ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa juga yang ditanggung atau dialami oleh pelanggan-pelanggan sama ada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

4.12 Pelanggan Yang Layak/Pemenang adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang Bank dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen/Promosi untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat.

4.13 Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada terma-terma dan syarat-syarat Produk / Kemudahan. Sekiranya ada di antara terma-terma dan syarat-syarat tersebut yang tidak konsisten, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai berhubung Kempen ini.

4.14 Semua Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju dengan untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Bank Islam atau hubungi Pusat Panggilan kami di 03 26 900 900 atau layari laman sesawang kami di <https://www.bankislam.com>